

Suami isteri bangga tamatkan pengajian bersama

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Impian Ahmad Asyraf Ab. Rahman, 25, dan Nur Atikah Rohadi, 25, untuk menerima ijazah bersama akhirnya menjadi kenyataan apabila pasangan suami isteri ini berjaya menamatkan pengajian dalam Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 hari ini.

Lebih menggembirakan, Ahmad Asyraf berkata, isterinya yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Bahasa Inggeris) kini sedang mengandung tujuh bulan.

"Saya tidak sangka kami akan menghadiri majlis konvokesyen bersama. Akhirnya, semua penat lelah saya berhempis pulas menghabiskan pengajian secepat mungkin terbayar dengan kegembiraan ini."

"Malah, dorongan dan sokongan daripada keluarga terutama isteri

Dorongan dan sokongan daripada keluarga terutama isteri menjadi penguat semangat untuk saya tidak berputus asa."

AHMAD ASYRAF AB. RAHMAN Graduan

menjadi penguat semangat untuk saya tidak berputus asa," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mereka antara 7,065 graduan UPM yang menerima ijazah dalam majlis konvokesyen di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di universiti itu.

Turut sama merasai kegembira-

raan itu, pasangan Azral Izwan Mazlan, 35, dan Aziana Abu Hassan, 31, yang juga menyimpan cita-cita untuk sama-sama menerima ijazah dalam majlis konvokesyen.

Bagi pasangan itu, kesibukan mereka yang menyambung pengajian dalam masa yang sama menyebabkan mereka terpaksa bertolesansi dan bekerjasama terutama dalam pembahagian masa antara pengajian dan keluarga.

"Ibu bapa kami adalah orang kuat di sebalik kejayaan ini kerana tanpa bantuan mereka, pasti kami tidak akan menang tangan menjaga kedua-dua anak kami dan dalam pada yang sama mengulangkaji pelajaran."

"Kami berhasrat menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD)," kata Azral Izwan.



AZRAL IZWAN MAZLAN (kiri) Aziana Abu Hassan dan Ahmad Asyraf Ab. Rahman (kanan) Nur Atikah Rohadi bersama ijazah yang diterima selepas Majlis Konvokesyen UPM Ke-39 di Kuala Lumpur, dekat Serdang, semalam.